



POLISI ANTIRASUAH

KWSP

KANDUNGAN

1.	LATAR BELAKANG	2
2.	KEPENTINGAN POLISI ANTIRASUAH	2
3.	SKOP DAN PEMAKAIAN POLISI	3
4.	DEFINISI RASUAH	3
5.	PERNYATAAN ANTIRASUAH KWSP	4
6.	PEMBERIAN ATAU PENERIMAAN	6
7.	PEMILIKAN DAN PENGISYTIHARAN HARTA	7
8.	KONFLIK KEPENTINGAN	8
9.	PEROLEHAN	8
10.	PENGURUSAN SURAT SOKONGAN	9
11.	PENGGUBAHAN WANG HARAM.....	9
12.	RUJUKAN KEPADA PIHAK BERKUASA (<i>REFERRAL POLICY</i>)	9
13.	KHIDMAT NASIHAT DAN SEMAKAN PEMATUHAN (<i>COMPLIANCE CHECK</i>)	10
14.	PERLINDUNGAN PENDEDAHAN MAKLUMAT (<i>WHISTLEBLOWER PROTECTION</i>)	10
15.	TANGGUNGJAWAB ANGGOTA KWSP	11
16.	MELAPORKAN KESALAHAN RASUAH.....	12
17.	PEMBELAJARAN DAN KOMUNIKASI	12
18.	PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN.....	13
19.	PELAPORAN DAN KAJIAN SEMULA PENAMBAHBAIKAN	13

1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Polisi Antirasuah ini adalah salah satu inisiatif Pengurusan seperti yang terdapat di dalam Pelan Integriti & Antirasuah KWSP yang telah diluluskan oleh Lembaga pada 29 April 2020. Pelan yang komprehensif dan inklusif ini dibangunkan selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional atau “*National Anti-Corruption Plan (NACP) 2019-2023*” yang dilancarkan pada 29 Januari 2019.
- 1.2. Polisi Antirasuah KWSP diwujudkan bagi menyatakan kepada Anggota KWSP, ahli dan pemegang taruh bahawa KWSP mengamalkan polisi toleransi sifar terhadap rasuah dan segala aktiviti berunsur rasuah dalam urusan operasi dan urus niaganya.
- 1.3. Polisi Antirasuah adalah sebahagian daripada amalan terbaik yang dinyatakan dalam Sistem Integriti Korporat Malaysia (*Corporate Integrity System Malaysia - CISM*).

2. KEPENTINGAN POLISI ANTIRASUAH

- 2.1. Polisi Antirasuah KWSP merupakan dokumen induk dan panduan utama (*guiding principle*) kepada perkara berkaitan integriti dan antirasuah.
- 2.2. Polisi ini juga merupakan panduan dan sumber rujukan Anggota KWSP berkaitan perlakuan rasuah serta menerangkan tugas & tanggungjawab melaporkan rasuah.
- 2.3. Ia adalah komitmen KWSP bagi memastikan penerapan standard etika, integriti, akauntabiliti dan mengamalkan prinsip “Toleransi Sifar” terhadap rasuah di dalam organisasi.
- 2.4. Merupakan komitmen organisasi di dalam menyokong inisiatif pencegahan rasuah oleh Kerajaan Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional (*National Anti-Corruption Plan – NACP*).
- 2.5. Mematuhi dan mendukung Prinsip Tatacara Mencukupi (*Adequate Procedure*): **T.R.U.S.T** (***Top Level Commitment, Risk Assessment, Undertake Control Measures, Systematic Review, Monitoring & Enforcement and Training & Communication***) sebagai ‘defend mechanism’ jika berlaku pertuduhan di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018).



3. SKOP DAN PEMAKAIAN POLISI

- 3.1. Polisi Antirasuah ini terpakai kepada semua peringkat Anggota KWSP termasuk Anggota Anak Syarikat Milik Penuh KWSP, tidak kira di mana mereka berada (di dalam atau di luar negara). Ia juga terpakai kepada semua pihak yang berurusan dengan KWSP.
- 3.2. Dalam konteks Polisi ini, semua pihak yang berurusan dengan KWSP merujuk kepada pihak luar yang mempunyai hubungan rasmi dan perniagaan dengan KWSP seperti kontraktor, sub-kontraktor, konsultan, ahli / majikan KWSP, ejen atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik bagi menjalankan perkhidmatan untuk/bagi pihak KWSP.
- 3.3. Sebarang kerjasama atau urus niaga yang dibuat oleh KWSP dengan pihak ketiga adalah tertakluk kepada syarat kontrak yang jelas, termasuk peruntukan tertentu yang menghendaki pihak ketiga mematuhi standard minimum dan prosedur yang berkaitan dengan rasuah.

4. DEFINISI RASUAH

- 4.1. Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) membawa maksud penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, undi, perkhidmatan, jawatan, upah dan diskaun.
- 4.2. Berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) (Akta 694), terdapat empat kesalahan rasuah yang utama iaitu:
 - i. Meminta/Menerima rasuah [Seksyen 16 & 17(a) Akta SPRM 2009]
 - ii. Menawar/Memberi suapan [Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009]
 - iii. Mengemukakan tuntutan palsu [Seksyen 18 Akta SPRM 2009]
 - iv. Menggunakan jawatan/kedudukan untuk suapan pegawai badan awam [Seksyen 23 Akta SPRM 2009]
- 4.3. Rasuah tidak terhad kepada perbuatan memberi suapan. Sekiranya seseorang menerima suapan dan hasil suapan, mereka juga telah melanggar undang-undang.



- 4.4. Anggota KWSP tidak boleh menerima rasuah dalam apa jua bentuk dan keadaan dan jika Anggota KWSP tidak pasti sama ada ia adalah rasuah, mereka bertanggungjawab mendapatkan nasihat lanjut daripada Jabatan Integriti dan Tadbir Urus (JITU). Perlakuan-perlakuan berpotensi dan berunsur rasuah adalah seperti berikut:

<i>Transactive</i>	Persetujuan untuk memberi dan menerima rasuah
<i>Extortive</i>	Ugutan dengan tujuan untuk tidak ambil tindakan
<i>Defensive</i>	Bayaran dengan tujuan mendapatkan perlindungan
<i>Investive</i>	Bayaran untuk menjamin balasan atau habuan pada masa hadapan
<i>Nepotisme</i>	Penyalahgunaan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan peribadi, saudara, keluarga atau sekutu
<i>Autogenic</i>	Perlakuan rasuah yang telah menjadi amalan dan budaya dalam organisasi
<i>Supportive</i>	Penempatan proksi atau kroni di tempat strategik (<i>hotspot</i>) dalam organisasi

5. PERNYATAAN ANTIRASUAH KWSP

- 5.1. KWSP mengamalkan **TOLERANSI SIFAR**. Ini bermakna KWSP tidak akan bertolak ansur dan akan bertindak tegas membanteras rasuah dan segala aktiviti berunsur rasuah demi melindungi simpanan persaraan ahli.
- 5.2. Reputasi KWSP adalah terbentuk daripada budaya kerja yang beretika, berintegriti, profesional dan telus hasil daripada amalan nilai bersama KWSP di semua peringkat Anggota KWSP dan Anggota Anak Syarikat Milik Penuh KWSP.
- 5.3. Sebagai sebuah organisasi yang berintegriti dan mengamalkan toleransi sifar terhadap rasuah, KWSP berikrar akan menentang rasuah ini melalui pendekatan 5P iaitu:
- i. **Promosi** nilai-nilai integriti, ketelusan dan tadbir urus yang baik.

- ii. **Pengukuhan** mekanisme kawalan dalaman KWSP yang menyokong pencegahan rasuah.
 - iii. **Pematuhan** undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan usaha memerangi rasuah.
 - iv. **Perangi** segala bentuk amalan rasuah, dan
 - v. **Pendukung** kepada inisiatif pencegahan rasuah oleh Kerajaan Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
- 5.4. KWSP akan mengekalkan standard integriti yang paling tinggi dengan sentiasa:
- i. Adil, jujur dan telus dalam menguruskan operasi harian dan urus niaga KWSP.
 - ii. Tidak menawarkan sebarang bentuk rasuah, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
 - iii. Tidak menerima sebarang bentuk rasuah, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- 5.5. Pernyataan Antirasuah ini adalah terpakai kepada semua peringkat Anggota KWSP termasuk Anggota Anak Syarikat Milik Penuh KWSP. Anggota yang melakukan jenayah rasuah akan berdepan dengan tindakan sepertimana yang digariskan dalam Kod Etika KWSP dan/atau undang-undang jenayah Negara.
- 5.6. Prinsip umum Pernyataan Antirasuah ini terpakai kepada semua pihak yang berurusan dengan KWSP termasuk pihak luar yang mempunyai hubungan rasmi dan perniagaan dengan KWSP seperti kontraktor, sub-kontraktor, konsultan, ahli / majikan KWSP, ejen atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik bagi menjalankan perkhidmatan untuk/bagi pihak KWSP.
- 5.7. KWSP sentiasa terbuka dengan mengamalkan budaya bersuara. Oleh itu, KWSP menggalakkan semua Anggota KWSP dan orang ramai sekiranya terdapat kejadian melibatkan salah laku integriti terutamanya rasuah, mereka hendaklah menyalurkannya ke Saluran Pendedahan Maklumat KWSP (*Whistleblowing*) seperti berikut:
- i. E-mel : speakup@epf.gov.my
 - ii. Hotline : 03-26162121
 - iii. Laman Web : <http://enquiry.kwsp.gov.my>

- iv. *Walk in* / Surat : Jabatan Integriti dan Tadbir Urus, Bangunan KWSP, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
- 5.8. Setiap aduan tulen yang diterima melalui saluran ini adalah Sulit dan akan disiasat dengan telus dan adil.

6. PEMBERIAN ATAU PENERIMAAN

6.1. Pemberian Dan Penerimaan Hadiah

- 6.1.1. Anggota KWSP hendaklah mematuhi Polisi Pemberian dan Penerimaan Hadiah yang diamalkan KWSP.
- 6.1.2. Anggota KWSP dan pihak luar tidak boleh memberi atau menerima sebarang hadiah dengan niat rasuah, sebagai satu dorongan, upah atau bersifat tidak suci hati (*not in good faith*). Tindakan ini adalah untuk melindungi kepentingan KWSP dan bagi mengelakkan persepsi negatif yang boleh menjejaskan reputasi dan kredibiliti perkhidmatan KWSP pada setiap masa.
- 6.1.3. Penjelasan terperinci boleh dirujuk kepada Polisi Pemberian dan Penerimaan Hadiah KWSP.

6.2. Pembayaran Pemudah Cara (*Facilitation Payment*)

- 6.2.1. KWSP tidak menerima dan tidak akan melakukan sebarang bentuk pembayaran pemudah cara dalam apa jua bentuk.
- 6.2.2. KWSP menyedari bahawa pembayaran pemudah cara adalah bentuk rasuah yang melibatkan mempercepat atau mempermudah urusan atau urusan niaga dalam pelaksanaan tugas atau tindakan tertentu. KWSP tidak membenarkan tawaran sogokan dibuat atau diterima.

6.3. Tajaan dan Sumbangan/Derma

- 6.3.1. Polisi ini disediakan sebagai panduan kepada Anggota KWSP dalam mengendalikan tajaan dan sumbangan/derma ketika menjalankan operasi dan urusan niaganya berdasarkan garis panduan yang ditetapkan.
- 6.3.2. Ia juga bertujuan untuk menguruskan tanggapan/persepsi dari pihak lain yang mana tajaan dan sumbangan/derma tersebut boleh memberikan pengaruh yang tidak wajar kepada individu yang bertanggungjawab dalam membuat keputusan, perkhidmatan atau kontrak, atau untuk mendorong mana-mana

individu untuk melanggar amanah atau integriti dalam melaksanakan tugas di KWSP dan Anak Syarikat Milik Penuh KWSP.

6.3.3. Penjelasan terperinci boleh dirujuk kepada Polisi Tajaan dan Sumbangan/Derma Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

6.4. Sumbangan Amal

6.4.1. KWSP tiada halangan bagi anggotanya menyumbang kepada badan amal - sama ada melalui perkhidmatan, pengetahuan, masa, atau sumbangan wang tunai.

6.4.2. Anggota KWSP mesti berhati-hati untuk memastikan sumbangan amal tidak digunakan untuk memudahkan dan/atau menyembunyikan tindakan rasuah.

6.4.3. Anggota KWSP perlu memastikan bahawa semua sumbangan amal yang dibuat adalah sah dan beretika di bawah undang-undang Negara.

7. PEMILIKAN DAN PENGISYTIHARAN HARTA

7.1. Semua Anggota KWSP sama ada bertaraf tetap, kontrak atau sementara/sambilan dikehendaki mengisytiharkan harta termasuk harta suami/isteri-isteri/ anak-anak atau mana-mana pihak yang memegang harta tersebut bagi mereka secara dalam talian (*online*) di menu e-Harta di IRIS atau di mana-mana platform yang ditetapkan oleh Pengurusan.

7.2. Pengisytiharan harta perlu mengikut tempoh yang telah ditetapkan atau apabila terdapat sebarang perubahan pemilikan harta atau pelupusan harta tanpa menunggu peringatan diberikan.

7.3. Ketua Jabatan/ Negeri/ Cawangan adalah bertanggungjawab untuk mengingatkan anggota di bawah seliaannya untuk mengisytiharkan harta dalam tempoh yang ditetapkan Pengurusan.

7.4. Anggota KWSP yang gagal membuat Pengisytiharan Harta boleh diambil tindakan di bawah Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kelakuan & Tatatertib) (Pindaan) 2017 yang ditetapkan oleh Pengurusan. Penjelasan terperinci berkaitan Pemilikan dan Pengisytiharan Harta perlu dirujuk kepada Pekeliling terkini yang dikeluarkan oleh PMD berkaitan perkara tersebut.

8. KONFLIK KEPENTINGAN

- 8.1. Anggota mesti mengelakkan daripada terlibat dalam konflik kepentingan di antara KWSP dan peribadi atau profesional dan/atau kepentingan kewangan. Konflik kepentingan yang dimaksudkan di sini adalah melibatkan konflik antara tanggungjawab rasmi anggota dan kepentingan peribadi mereka. Kepentingan peribadi ini boleh mempengaruhi pelaksanaan tugas dan pembuatan keputusan anggota. Jika kepentingan peribadi anggota mengatasi tugas rasmi, tindakan ini boleh menjadi salah laku dan menjadi kesalahan mengikut keadaan yang tertentu.
- 8.2. Konflik kepentingan juga wujud sekiranya berlaku situasi yang melibatkan ahli keluarga terdekat atau anggota sendiri dalam pembidaan projek di mana anggota berkenaan terlibat secara langsung dalam proses membuat keputusan bagi projek tersebut. Keadaan ini menyebabkan anggota berkenaan mempunyai kepentingan peribadi yang boleh menjejaskan keupayaan anggota membuat keputusan secara bebas dan objektif.
- 8.3. Anggota KWSP dinasihatkan lebih berhati-hati dan sensitif dengan persepsi umum sebelum terlibat dalam urusan niaga yang melibatkan konflik kepentingan. Jika konflik kepentingan tidak boleh dielakkan, anggota berkenaan perlu menguruskan konflik kepentingan mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam Polisi Konflik Kepentingan KWSP.
- 8.4. Sekiranya didapati wujud atau berlakunya konflik kepentingan dalam sesuatu urusan niaga, aduan boleh disalurkan kepada Saluran Pendedahan Maklumat (*Whistleblowing*) KWSP.

9. PEROLEHAN

- 9.1. Integrity Pact merupakan alat yang digunakan untuk mencegah perlakuan rasuah dan segala aktiviti berunsur rasuah kepada konsultan, pembekal dan vendor atau pun pihak ketiga di dalam proses Perolehan. Ia merupakan satu proses perisytiharan oleh pembida untuk tidak menawar atau memberi rasuah bagi mendapatkan kontrak atau sebagai ganjaran mendapatkan sesuatu kontrak dan bagi mempercepatkan sesuatu urusan Perolehan. Pihak terlibat akan

menandatangani satu “pact” atau perjanjian untuk tidak melakukan perbuatan rasuah dalam pelaksanaan sesuatu kontrak serta menggariskan tindakan-tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku pelanggaran “pact” atau kontrak tersebut.

- 9.2. Pelaksanaan Polisi Pengurusan Perolehan KWSP dan penggunaan sistem *e-Procurement* di dalam proses perolehan organisasi adalah mekanisme yang digunakan bagi menutup ruang dan peluang perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Rujuk kepada Polisi Pengurusan Perolehan KWSP untuk penjelasan terperinci.

10. PENGURUSAN SURAT SOKONGAN

KWSP menolak sebarang permintaan atau sokongan untuk memberikan “laluhan istimewa” kepada mana-mana individu atau organisasi yang berurusan dengan KWSP bagi mengelakkan salah guna kuasa, konflik kepentingan dan amalan rasuah. Bentuk permintaan atau sokongan adalah sebarang komunikasi yang disampaikan sama ada secara bertulis atau lisan. Ini termasuklah surat, memo, e-mel, minit, khidmat pesanan ringkas (SMS), percakapan mulut, panggilan telefon dan sebagainya yang bertujuan menyokong sesuatu permohonan atau mempengaruhi pertimbangan keputusan. Perakuan sokongan yang diterima tidak boleh sama sekali digunakan sebagai asas, merit atau kelayakan dalam mempertimbangkan sesuatu keputusan.

11. PENGUBAHAN WANG HARAM

Anggota KWSP adalah dilarang sama sekali melibatkan diri dan/atau melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Akta 613 Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.

12. RUJUKAN KEPADA PIHAK BERKUASA (*REFERRAL POLICY*)

KWSP bertanggungjawab melaporkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan apabila wujudnya pelanggaran undang-undang jenayah Negara yang melibatkan mana-mana Anggota KWSP mahupun pihak ketiga.

13. KHIDMAT NASIHAT DAN SEMAKAN PEMATUHAN (COMPLIANCE CHECK)

- 13.1. Jabatan Integriti & Tadbir Urus bertanggungjawab memberikan khidmat nasihat kepada Anggota KWSP dan Pengurusan berkaitan integriti, governans dan anti-rasuah. Khidmat nasihat yang dimaksudkan adalah berupa pandangan berkecuali demi melindungi reputasi dan kepentingan KWSP.
- 13.2. Sehubungan itu, JITU melaksanakan Semakan Pematuhan (*Compliance Check*) bagi memastikan aktiviti dan urus niaga KWSP dilaksanakan secara telus, teratur dan profesional. Semakan Pematuhan (*Compliance Check*) ini hendaklah dilaksanakan sebelum sesuatu aktiviti atau urus niaga dimulakan. Skop Semakan Pematuhan (*Compliance Check*) adalah meliputi urusan berkaitan tajaan, sumbangan, lawatan kerja, latihan dan urus niaga lain yang melibatkan KWSP.

14. PERLINDUNGAN PENDEDAHAN MAKLUMAT (WHISTLEBLOWER PROTECTION)

- 14.1. KWSP telah mewujudkan Polisi Perlindungan Pendedahan Maklumat (*Whistleblowing Policy*) yang membolehkan salah laku atau pelanggaran undang-undang dan peraturan dilaporkan secara bebas. Identiti pemberi maklumat dan maklumat yang dibekalkan akan dirahsiakan dan pemberi maklumat akan dilindungi daripada sebarang penamatan pekerjaan secara tidak adil atau tindakan pekerjaan yang prejudis.
- 14.2. KWSP menggalakkan budaya bersuara (*speakup*). Anggota KWSP atau mana-mana pihak yang percaya bahawa rasuah, fraud dan salah laku sedang atau akan berlaku di KWSP hendaklah melaporkannya melalui Saluran Pendedahan Maklumat (*Whistleblowing*) yang disediakan. Rujuk kepada Polisi Perlindungan Pendedahan Maklumat KWSP untuk penjelasan terperinci.

15. TANGGUNGJAWAB ANGGOTA KWSP

- 15.1. Anggota KWSP perlu memastikan bahawa telah membaca, memahami, dan mematuhi maklumat yang terkandung dalam Polisi Antirasuah ini. Anggota adalah dikehendaki menjalani pembelajaran dan mengikuti sesi taklimat berkaitan integriti dan rasuah.
- 15.2. Anggota KWSP bertanggungjawab untuk mencegah, mengesan dan melaporkan aktiviti berkaitan rasuah dengan mengemukakan sekurang-kurangnya maklumat asas (5W+1H) seperti berikut:
 - i. Siapa (*who*) yang terlibat?
 - ii. Bila (*when*) kejadian berlaku?
 - iii. Di mana (*where*) kejadian berlaku?
 - iv. Apa (*what*) kesalahan yang berlaku?
 - v. Kenapa (*why*) kesalahan berlaku?
 - vi. Bagaimana (*how*) kesalahan berlaku?
 - vii. Saksi atau dokumen berkaitan (sekiranya ada)
- 15.3. Anggota KWSP dikehendaki mengelakkan sebarang aktiviti yang boleh membawa kepada, atau menimbulkan persepsi pelanggaran Polisi Antirasuah ini.
- 15.4. Jika Anggota KWSP melanggar Polisi ini, mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kelakuan & Tatatertib) (Pindaan) 2017 yang ditetapkan oleh KWSP dan/atau undang-undang jenayah Negara.
- 15.5. Pegawai KWSP yang menjadi Lembaga Pengarah dalam mana-mana organisasi komersial hendaklah mematuhi AKTA 17(A), SPRM 2009 (Pindaan 2018). Peruntukan di bawah Seksyen 17(A) Akta SPRM 2009 adalah suatu peruntukan yang menetapkan prinsip liabiliti korporat yang mana organisasi komersial adalah melakukan suatu kesalahan jika mana-mana pekerja dan/atau pihak bersekutunya melakukan rasuah untuk faedah organisasi tersebut.

16. MELAPORKAN KESALAHAN RASUAH

- 16.1. Anggota KWSP yang mengesyaki terdapat kejadian rasuah berlaku di KWSP adalah bertanggungjawab untuk melaporkan dengan segera kepada JITU. Jika Anggota KWSP tidak pasti sama ada tindakan atau tingkah laku tertentu boleh dianggap sebagai rasuah, Anggota KWSP hendaklah juga menghubungi JITU.
- 16.2. Anggota KWSP perlu melaporkan kepada JITU kadar segera jika Anggota KWSP ditawarkan rasuah oleh mana-mana pihak.
- 16.3. Dalam melaporkan perlakuan rasuah atau aktiviti rasuah, Anggota KWSP dilindungi selagi mana mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Polisi Perlindungan Pendedahan Maklumat KWSP.
- 16.4. Anggota KWSP digalakkan menggunakan Saluran Pendedahan Maklumat yang telah disediakan bagi melaporkan kejadian rasuah atau aktiviti rasuah.
- 16.5. Kegagalan melaporkan kejadian rasuah atau aktiviti seperti di para 16.4 merupakan satu kesalahan sepertimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kelakuan & Tatatertib) (Pindaan) 2017 dan/atau undang-undang jenayah Negara.

17. PEMBELAJARAN DAN KOMUNIKASI

- 17.1. KWSP akan menyelaraskan pembelajaran dan komunikasi berkaitan Antirasuah kepada semua Anggota KWSP setiap tahun. Anggota KWSP akan didedahkan kepada pembelajaran dan komunikasi yang relevan secara berskala setiap tahun.
- 17.2. Pembelajaran dan komunikasi berkaitan Antirasuah boleh dilaksanakan dalam pelbagai format seperti berikut:
 - i. Program *onboarding* yang menerapkan elemen integriti dan antirasuah;
 - ii. Program antirasuah latihan anjuran Pengurusan, JITU, ELC, Jabatan / Cawangan, seminar, video dan kursus dalaman;
 - iii. Program antirasuah anjuran pihak luar (SPRM, PDRM, GIACC dan lain-lain);
 - iv. Melalui intranet atau program berasaskan web;
 - v. Sesi perhimpunan; dan
 - vi. Program perkongsian ilmu



- 17.3. Polisi Antirasuah dan pendirian Toleransi Sifar KWSP terhadap rasuah dan segala aktiviti berunsur rasuah dalam urusan operasi dan urus niaganya akan dikomunikasikan dengan jelas kepada semua pihak yang berurusan dengan KWSP termasuk konsultan, pembekal dan vendor atau pun pihak ketiga.
- 17.4. Perancangan Pembelajaran dan Komunikasi akan dilaksanakan sepertimana yang dinyatakan dalam Pelan Integriti dan Antirasuah KWSP.
- 17.5. Menghadiri pembelajaran dan program komunikasi adalah keperluan penting kepada setiap Anggota KWSP.

18. PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

- 18.1. Tindakan disiplin boleh diambil ke atas Anggota KWSP dan Anggota Anak Syarikat Milik Penuh KWSP yang didapati gagal mematuhi Polisi ini.
- 18.2. Adalah menjadi tanggungjawab setiap Anggota KWSP, Jabatan dan Cawangan untuk mematuhi Polisi ini. Pemantauan dan kaedah kawalan yang bersesuaian perlu diwujudkan oleh Pengurusan, Jabatan, Cawangan dan Anak Syarikat Milik Penuh KWSP bagi memastikan pematuhan Polisi ini dilaksanakan dengan berkesan. Komitmen daripada Pengurusan Tertinggi (*Tone from the top*) amat penting bagi memastikan pelaksanaan dan pemantauan Polisi ini dapat dilaksanakan bagi memastikan usaha memerangi rasuah berjalan dengan lancar.

19. PELAPORAN DAN KAJIAN SEMULA PENAMBAHBAIKAN

- 19.1. Polisi Antirasuah merupakan dokumen terbuka di mana JITU bertanggungjawab untuk menambah baik kandungan dokumen selaras dengan penambahbaikan polisi dan garis panduan berkaitan rasuah di peringkat KWSP atau Negara.
- 19.2. Pelaporan berkaitan dengan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan akan dilaporkan kepada Pengurusan KWSP, Jawatankuasa Lembaga, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Pihak Berkuasa yang berkaitan.

30 November 2020